

BAB II

TINJAUAN KAJIAN

2.0 Pendahuluan

Salah satu daripada tujuan pendidikan ialah membantu pelajar menyesuaikan diri dengan masyarakat. Persekolahan bolehlah dianggap sebagai satu proses pemasyarakatan dan pembudayaan. Peranan kurikulum dalam proses ini ialah mengenalpasti apakah tingkahlaku yang dikehendaki oleh sesuatu masyarakat. Isi kandungan diibaratkan sebagai 'tubuh' kepada sesuatu kurikulum, kerana tanpa isi kandungan, kurikulum sesuatu subjek tidak mungkin dapat diadakan. Seterusnya, untuk menilai keberkesaan sesuatu isi kandungan, kejayaan sesuatu program dan sebagainya, maka perlu dilakukan penilaian.

Perbincangan dalam bahagian ini akan berfokus kepada tema-tema berikut iaitu :

1. Kurikulum
2. Matlamat Pendidikan
3. Kandungan Kurikulum

4. Kriteria Pemilihan Isi Kandungan

5. Penyusunan Isi Kandungan

6. Tahap Kesediaan Pelajar

7. Kesediaan Guru

8. Penggunaan Buku Teks

9. Model Penilaian Kurikulum

2.1. Pengertian Kurikulum

Terdapat beberapa definisi kurikulum yang kerap digunakan dalam konteks pendidikan yang dapat membantu kita memahami maksud atau pengertian kurikulum. Caswell dan Campbell (1935) melihat kurikulum sebagai semua pengalaman untuk murid di bawah bimbingan guru. Saylor dan Alexander (1954) mendefinisikan kurikulum sebagai rancangan yang menyediakan peluang pembelajaran untuk mereka yang perlu diberi pendidikan. Goodland (1963) mengatakan bahwa kurikulum mengandungi semua pembelajaran yang diinginkan dan dirancang untuk pelajar atau sekumpulan pelajar.

Beuachamp (1968) mendefinisikan kurikulum sebagai dokumen bertulis yang melakarkan isi mata pelajaran yang akan diajar. Pada hakikatnya apa-apa sahaja yang diajar di sekolah merupakan kandungan mata pelajaran yang diajarkan menerusi berbagai-bagai mata pelajaran, disiplin ilmu pengetahuan, kepelbagaiannya rumusan tentang masalah dalam kehidupan sehari-hari dan berbagai-bagai cara. Isi mata pelajaran tetap merupakan teras kepada kurikulum.

Inlow (1966) mendefinisikan kurikulum sebagai usaha yang menyeluruh yang dirancangkan oleh pihak sekolah untuk membimbing murid menperoleh hasil pembelajaran yang telah ditentukan. Manakala menurut Tanner & Tanner (1980), kurikulum ialah pengetahuan dan pengalaman yang dibina semula oleh pelajar. Pengetahuan dan pengalaman yang dibina semula ini dibentuk dengan bersistem di bawah naungan pihak sekolah untuk menpertingkatkan kemajuan pelajar mengawal pengetahuan dan pengalaman pelajar dengan kebolchan pelajar membaiki kawalan terhadap pengetahuan dan pengalaman sendiri.

Robinson (1971) mengatakan bahawa kurikulum mengandungi matlamat, objektif, isi kandungan, proses, sumber dan cara penilaian semua pengalaman pembelajaran yang telah dirancangkan untuk pelajar di dalam dan di luar sekolah, dan di persekitaran komunitinya melalui pengajaran bilik darjah dan rancangan pembelajaran lain seperti lawatan, perpustakaan, pengalaman kerja, bimbingan dan aktiviti luar darjah.

Tyler (1950) mendefinisikan kurikulum sebagai segala pembelajaran yang dirancangkan dan diarahkan oleh sekolah bagi mencapai matlamat pendidikan. Beliau menyarankan bahawa kurikulum yang lengkap perlu mengandungi matlamat pendidikan, isi pelajaran, metodologi untuk menyusun dan melaksanakan pengalaman pembelajaran dan penilaian untuk mengukur keberkesanannya pengajaran.

Walker (1990) menyenaraikan lima konsep am yang terdapat dalam kurikulum iaitu :

- i. Pembelajaran yang diinginkan iaitu menerangkan apa yang pelajar perlu belajar yang biasanya dijelaskan dalam bentuk tujuan, objektif dan matlamat.
 - ii. Mata pelajaran atau subjek iaitu menerangkan mata pelajaran atau kursus seperti Matematik, Ekonomi Asas, Sejarah dan sebagainya.
 - iii. Aktiviti Pendidikan iaitu aktiviti yang dilakukan di sekolah dan di dalam bilik darjah yang diharap dapat menggalakkan pembelajaran seperti membaca, menulis , berbincang, menjalankan projek dan sebagainya.
 - iv. Pengalaman murid iaitu pengalaman sebenar yang dilalui oleh murid di bawah arahan dan bimbingan sekolah.
 - v. Pencapaian pembelajaran iaitu apa yang sebenarnya murid telah pelajari.
- Pembelajaran ini termasuklah pembelajaran tentang kandungan mata pelajaran dan kesan sampingannya seperti perubahan sikap dan kepercayaan.

2.2 Matlamat Pendidikan

Matlamat kurikulum pendidikan secara umumnya ialah untuk membentuk pelajar yang mempunyai perkembangan yang menyeluruh, meliputi aspek instrumental dan intrinsik. Aspek atau dimensi instrumental ini men persoalkan kerelevan pendidikan dalam kehidupan individu dalam masyarakat. Ia meliputi aspek sosial, politik, ekonomi dan sebagainya. Manakala dimensi intrinsik pula ialah melibatkan aspek kerelevan

pendidikan untuk pembangunan dan perkemangan diri pelajar dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Matlamat pendidikan adalah merupakan perkara yang paling asas dalam menggubal sesuatu kurikulum. Matlamat inilah yang akan menjadi arah, hala tuju, tujuan dan penegasan sesuatu kurikulum pendidikan. Oleh kerana pendidikan merupakan suatu proses yang berperingkat, maka disinilah matlamat menjadi titik pemusatan kepada semua objektif yang dirancangkan pada setiap proses tersebut. Matlamat akan men bayangkan sistem secara keseluruhan. Sesebuah negara ataupun masyarakat selalunya mempunyai idea tentang bentuk manusia yang bakal dicorakkan pada masa hadapan. Di sini kita akan berhadapan dengan nilai pada setiap masyarakat yang menjadi tunjang kepada kewujudan matlamat tersebut.

Mengikut Abu Bakar Nordin (1991) beberapa kriteria boleh digunakan untuk menjadi asas rujukan kepada matlamat yang akan dibentuk iaitu matlamat yang boleh memberi kepuasan kepada kehendak individu, relevan kepada kehendak masyarakat, matlamat yang berasaskan kepada prinsip pegangan sesuatu masyarakat, matlamat yang selaras dengan hukum sesuatu agama dan matlamat yang menseimbangkan di antara aspek-aspek kognitif, afektif dan kerohanian.

Pelajar merupakan individu yang mempunyai kehendak-kehendaknya yang tersendiri, bermula daripada yang paling asas iaitu memenuhi keperluan asas untuk kehidupan dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi iaitu menperolehi kejayaan

kendiri. Pertimbangan yang wajar kepada kehendak-kehendak ini akan dapat melibatkan pelajar dengan aktiviti yang disediakan. Kehendak masyarakat seharusnya juga diberi pertimbangan kerana individu hidup bermasyarakat dalam sesebuah negara.

Perubahan juga sentiasa berlaku dalam masyarakat, maka penentuan matlamat pendidikan juga harus mengambil kira perubahan-perubahan ini agar apa yang dipelajari tidak terpisah daripada konteks semasa. Matlamat yang dibentuk juga mestilah tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan, amalan-amalan dan keagamaan masyarakat. Seterusnya matlamat yang dibentuk mestilah merangkumi aspek-aspek afektif, psikomotor dan kerohanian agar perkembangan diri individu dapat dihasilkan dengan sempurna.

Tyler (1950) telah mengemukakan satu kaedah bagi menentukan objektif yang boleh digunakan di peringkat sekolah iaitu sesuatu objektif itu seharusnya menyatakan tingkah laku pelajar berkaitan sesuatu bidang tertentu. Di sini terdapat dua dimensi iaitu dimensi bidang dan dimensi bentuk atau peringkat tingkah laku. Ingin ditegaskan bahawa objektif-objektif adalah terjemahan atau pecahan kepada matlamat. Olch itu, objektif yang dibentuk mestilah menpunyai perkaitan yang rapat dengan matlamat.

Razali Arof (1988) menyatakan bahawa terdapat beberapa kriteria dalam pemilihan dan penetapan sesuatu matlamat pendidikan iaitu objektif yang dibentuk mestilah selari dengan matlamat, tidak terlalu luas dan tidak terlalu terhad, boleh dicapai dalam tempoh masa yang dihadkan, tiada percanggahan dan melibatkan aspek atau

domain afektif, kognitif dan psikomotor. Sekiranya, perancang menggunakan kriteria di atas maka matlamat pendidikan akan menjadi lebih bermakna dan jelas.

2.3 Kandungan Kurikulum

Semua kurikulum mempunyai isi kandungan. Isi kandungan merupakan " a means to an end " iaitu suatu alat untuk mencapai objektif. Secara khususnya, isi kandungan dalam mata pelajaran merupakan bahan-bahan ilmuan bagi mencapai objektif. Semua bahagian atau aspek yang-aspek yang terdapat di dalam sesuatu mata pelajaran adalah sama pentingnya. Apa yang berbeza ialah cara penyusunannya sahaja. Isi juga merupakan isi sebenar atau isi sokongan di dalam sesuatu kursus. Isi kandungan yang sebenar ialah isi yang dikehendaki oleh pelajar-pelajar dalam menguasai sesuatu kursus. Isi sokongan pula tiada ciri-ciri yang begitu, tetapi perlu dipelajari bagi mempelajari isi sebenar. Tegasnya, isi sokongan adalah untuk menyenangkan pemahaman pelajar-pelajar akan isi yang sebenar.

Isi kandungan sesuatu mata pelajaran boleh dibahagikan kepada tiga iaitu isi kandungan yang bercorak kognitif, afektif dan psikomotor. Ilmu yang terkandung dalam ketiga-tiga bidang ini adalah berbentuk konseptual iaitu fakta, konsep, teori serta prinsip dan juga berbentuk praktikal atau perlakuan.

2.4 Kriteria Pemilihan Isi Kandungan

Razali Arof (1986) mengatakan bahawa terdapat beberapa kriteria dalam memilih isi kandungan. Isi kandungan yang perlu dipilih mestilah selari dengan objektif mata pelajaran yang telah dinyatakan. Isi kandungan yang tidak selari atau relevan dengan objektif mata pelajaran tidak akan membawa makna . Isi kandungan yang dipilih juga mestilah sah dan bersifat mutakhir. Isi kandungan yang tidak sah dan masih lagi menjadi tanda tanya akan menimbulkan masalah dan mungkin bercanggah dengan apa yang sebenarnya. Isi kandungan yang dipilih juga mestilah sesuai dengan kehendak dan kebolehan pelajar. Pelajar mestilah menpunyai kesediaan dari segi kognitif dalam mempelajari sesuatu isi kandungan.

Ornstein dan Hunkins (1988) mencadangkan beberapa kriteria yang perlu dilakukan dalam memilih isi kandungan kurikulum. Kriteria tersebut ialah :

- i. Mampu diri iaitu isi kandungan yang dipilih itu mestilah mampu untuk membantu pelajar mengembangkan potensi diri dan memantapkan diri mereka. Isi kandungan yang dipilih mestilah dapat membantu para pelajar untuk mencapai tahap mampu diri yang maksimum. Pendedahan isi kandungan akan membolehkan para pelajar membuat generalisasi dan membudayakan ilmu yang dipelajari secara bermakna.
- ii. Signifikan iaitu isi kandungan yang dipilih mesti mampu memberi sumbangan yang signifikan kepada penguasaan ilmu pengetahuan dan pembangunan diri pelajar. Perkembangan ilmu pengetahuan yang dimaksudkan di sini ialah perkembangan idea,

fakta, konsep, prinsip dan generalisasi manakala perkembangan pembangunan diri pelajar ialah serta membina kekuatan akidah, intelektual, sosial, fizikal dan akhlak.

- iii. Kesahan iaitu isi kandungan yang dipilih itu mestilah tepat, sah, terkini dan selari dengan perkembangan ilmu pengetahuan pada sesuatu masa. Isi kandungan mestilah secocok dengan tujuan dan objektif sesuatu kurikulum.
- iv. Kepentingan iaitu isi kandungan yang dipilih itu mestilah bermakna dan secocok dengan minat para pelajar. Isi kandungan yang dipilih itu bukan sekadar memenuhi kepentingan dan keperluan guru, pentadbir sekolah, ibu bapa atau masyarakat sahaja.
- v. Kebergunaan iaitu isi kandungan mestilah berupaya untuk memberi sumbangan yang bermakna dan bermanfaat dalam membantu para pelajar mengembangkan potensi diri mereka ke tahap yang optimun. Konsep kebergunaan membabitkan beberapa aspek seperti kebergunaan dalam penyelesaian masalah, perkembangan kerjaya dan pembentukan akhlak yang mulia.
- vi. Boleh dipelajari iaitu isi kandungan yang mampu dipelajari oleh pelajar. Oleh itu, penggubal kurikulum perlu mengambil kira faktor kebolehan, kesediaan, kematangan dan kecekapan pelajar dalam pemilihan isi kandungan. Organisasi dan penyusunan isi kandungan juga perlu diberi perhatian kerana ia akan menpengaruhi keupayaan pembelajaran pelajar-pelajar.
- vii. Kebolehlaksanaan iaitu penggubal kurikulum harus mengambil kira beberapa faktor yang berkaitan dengan perlaksanaan kurikulum tersebut seperti faktor masa pengajaran, sumber pengajaran dan kemudahan fizikal yang ada, kepakaran yang dimiliki, kakitangan sekolah, kedudukan kewangan dan sebagainya.

Abu Bakar Nordin (1991) mengatakan bahawa terdapat beberapa kriteria yang boleh dijadikan panduan dalam memilih isi kandungan . Anataranya ialah berkaitan kesahan isi kandungan. Ia berkaitan sejauh manakah isi kandungan yang dipilih itu menepati matlamat dan objektif yang dicadangkan. Isi kandungan yang dipilih itu mestilah selari atau menyokong pencapaian objektif dan seterusnya matlamat yang dicadangkan. Selain daripada itu kesahan isi kandungan juga merujuk kepada sejauh manakah isi kandungan itu unggul dan kekal walaupun menghadapi situasi zaman yang sentiasa berubah dan berkembang. Jikalau ianya bersifat sementara, maka pelajar akan menghadapi masalah di kemudian hari apabila segala pengetahuan yang diterimanya tidak lagi berguna. Seterusnya pula ialah berkaitan sejauh manakah unsur-unsur ilmu yang telah wujud dan mungkin telah dipelajari diintergrasikan ke dalam sesuatu program.

Seterusnya kriteria kedua yang juga perlu diberi perhatian dalam memilih isi kandungan ialah isi kandungan yang dipilih itu mestilah boleh dijadikan asas kepada pengetahuan dan perkembangan individu dan menpunyai unsur-unsur sokongan kepada bidang-bidang lain. Jelasnya selain daripada pentingnya sesuatu isi kandungan sebagai asas ilmu dipandang dari aspek idea, prinsip dan generalisasi adalah juga penting perkaitan idea, prinsip dan generalisasi di antara disiplin juga mesti diambil kira.

Kriteria ketiga ialah ialah isi kandungan seharusnya dinamik di mana pengetahuan dalam sesuatu disiplin itu boleh dilihat secara atomistik dan umum serta meliputi semua peringkat. Oleh kerana pembelajaran adalah suatu usaha yang berterusan

maka pelajar sepatutnya diberi peluang melihat ilmu itu dari berbagai-bagai perspektif dan peringkat. Seterusnya kriteria keempat ialah perkaitan di antara isi kandungan dengan pelajar dan kehendak masyarakat. Ini bererti bahawa pelajar akan melibatkan diri dalam pembelajaran sekiranya mereka meminati pelajaran itu. Minat dan motivasi bergantung kepada hasil penilaian pelajar terhadap mata pelajaran tersebut sama ada digemari atau tidak, menarik atau sebaliknya dan sebagainya. bagi masyarakat pula, persoalan kerelevanannya adalah daripada perspektif pembangunan adalah penting. Jelasnya, pemilihan isi kandungan itu haruslah yang biasa dialami oleh pelajar dan dirasakan bernilai kepada masayarakat.

2.5 Penyusunan Isi Kandungan

Terdapat banyak cara atau kaedah yang boleh digunakan dalam menyusun isi kurikulum iaitu pendekatan umum dan pendekatan khusus. Prinsip umum menunjukkan penyusunan yang bercorak umum dan keseluruhan. Dalam melaksanakan usaha berkaitan penyusunan kurikulum seseorang harusnya mengikuti pendekatan prinsip umum terlebih dahulu. Ini bermakna secara keseluruhan ia perlu berfikir bagaimanakah hendak menyusun isi kandungan kurikulum tersebut. Terdapat dua prinsip utama yang boleh diikuti dalam pendekatan umum ini iaitu penyusunan secara menegak dan penyusunan secara mendatar.

Penyusunan menegak bermaksud memberi tumpuan kepada bentuk kaitan yang ada di antara isi pada suatu tahap kepada tahap-tahap yang berikutnya. Sebagai contoh, perlu ada perkaitan menegak di antara isi kandungan di Tingkatan I, dengan II, dan III dan seterusnya. Pihak perancang perlu memberi perhatian kepada bentuk ini supaya isi-isi kurikulum mempunyai satu aliran yang bermakna dan berfaedah. Dalam penyusunan menegak ini juga terdapat dua faktor yang perlu diambil kira iaitu faktor urutan dan faktor ulangan. Urutan ialah penyusunan isi yang semakin meluas atau semakin mendalam dalam tingkatan atau tahap-tahap berikutnya berbanding tahap-tahap sebelumnya. Penyusunan mendatar pula menumpukan kepada bentuk kaitan di antara isi-isi dalam satu mata pelajaran, unit dan kursus dengan satu mata pelajaran yang lain. Sebagai contoh, bagaimanakah kaitan di antara isi-isi dalam mata pelajaran Sejarah dengan isi-isi dalam mata pelajaran Ekonomi di tingkatan yang sama.

Razali Arof (1991) mengatakan terdapat beberapa prinsip yang boleh digunakan dalam menyusun isi dalam bentuk yang berkesan iaitu berdasarkan kepayahan atau kerumitan sesuatu isi kandungan. Pendekatan ini menyusun isi dari yang senang kepada yang lebih sukar. Prinsip kedua ialah berdasarkan jarak iaitu isi-isi yang terdekat dengan pelajar disusun di bahagian awal sementara isi-isi yang semakin jauh di bahagian akhir. Prinsip ketiga ialah berdasarkan masa atau kronologi. Ia bermaksud sesuatu isi itu diajar mengikut perkembangan masa. Seterusnya penyusunan berdasarkan kepentingan konsep. Ini bermakna konsep-konsep yang penting didahulukan sementara isi-isi atau konsep-konsep yang kurang penting dikemudiankan.

Seterusnya boleh juga dilakukan penyusunan mengikut perkembangan penemuan kajian tentang sesuatu perkara. Isi-isi yang ditemui lebih awal mengenai sesuatu perkara disusun di bahagian awal manakala isi-isi yang ditemui kemudian dikemudiankan. Prinsip yang seterusnya ialah menyusun isi mengikut pendekatan konseptual. Konsep-konsep yang penting di susun di bahagian awal sementara konsep-konsep yang kurang penting di bahagian-bahagian yang berikutnya. Ia dikenali sebagai susunan pendekatan umum kepada khusus. Prinsip ketujuh ialah menyusun berdasarkan kriteria atau prinsip elektik. Izi sesuatu kurikulum itu tidak disusun mengikut satu prinsip sahaja tetapi disusun mengikut berbagai-bagai prinsip. Sebahagian daripada isi-isi tersebut disusun mengikut prinsip jarak, sebahagian lagi mengikut kepentingan dan sebahagiannya mengikut konseptual dan sebagainya.

2.6 Tahap Kesediaan Pelajar

Kesediaan belajar adalah merujuk kepada keadaan dalam diri pelajar yang bersedia dan berkebolehan untuk menperoleh sesuatu pengalaman pembelajaran yang baru. Bruner (1966) menyarankan bahawa apa juga perkara yang disampaikan secara berkesan kepada pelajar-pelajar pada bila-bila peringkat perkembangannya manakala Piaget (1966) pula mengaitkan pembelajaran dengan peringkat-peringkat turutan mengikut perkembangan kognitif kanak-kanak. Ausubel (1962) mengakui kanak-kanak secara umumnya dapat belajar dengan cepat tetapi pembelajaran pelajar remaja dan

dewasa biasanya dihalang oleh situasi yang memerlukan mereka menyingkirkan sesuatu konsep yang sedia ada sebelum dapat menerap pembelajaran yang baru.

Ramai ahli psikologi berpendapat bahawa kesediaan belajar seseorang itu sangat bergantung kepada kelengkapan dirinya sendiri dari segi perkembangan mental, sikap, emosi dan fizikal. Kematangan dalam semua aspek ini membolehkan pelajar itu melaksanakan proses pembelajaran yang sesuai. Justeru itu, kesediaan belajar dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kesediaan kognitif, afektif dan psikomotor.

Kesediaan kognitif berkaitan dengan peringkat perkembangan mental untuk memahami, memikir dan menaakul dalam keadaan pembelajaran yang baru. Biasanya perkembangan mental menjadi bertambah maju selaras dengan perkembangan usia. Kesediaan afektif pula merujuk kepada sikap, keinginan, ketekunan, minat, perasaan dan nilainya untuk menerima pengajaran yang akan disampaikan. Biasanya kesediaan afektif yang positif dalam diri pelajar amat penting untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran. Kesediaan psikomotor merujuk kepada penguasaan kemahiran yang berpusat kepada tindakan fizikal. Sescorang pelajar dikatakan bersedia untuk melakukan tindakan fizikal apabila badannya telah mencapai kematangan selaras dengan latihan yang diperlukan. Kesediaan ini termasuk perkembangan fizikal dalam otot, tulang dan anggota serta pengawalan dan penyelarasannya di seluruh tubuh.

2.7 Kesediaan Guru

Dalam melaksanakan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran, guru-guru seharusnya mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan matlamat pendidikan negara dan matlamat pendidikan Ekonomi Asas. Ini adalah kerana tanpa pengetahuan dan kefahaman tentang matlamat, mungkin timbul kesukaran kepada guru dalam melaksanakan tugas pengajaran. Telah dinyatakan terdahulu bahawa matlamat pendidikan mestilah yang boleh dicapai. Dalam konteks pendidikan matlamat bukan sahaja menjadi pedoman kepada pengajaran ataupun pembelajaran tetapi juga penilaian. Guru akan dapat mengajar dengan lebih yakin dan baik sekiranya matlamat pengajaran adalah jelas.

Guru-guru yang tidak mempunyai latar belakang pengetahuan teori dan kefahaman mengenai pembelajaran dan tingkah laku manusia hanya akan dapat menganalisis kejadian-kejadian pembelajaran mengikut kepercayaan dan fikiran biasa yang sedia ada. Untuk melahirkan pengajaran yang berkesan, guru memerlukan kefahaman, bukan sahaja mengeani pelajar-pelajarnya tetapi juga mata pelajaran yang diajarnya. Kemudian menjalinkan kedua-dua itu melalui latihan supaya mata pelajaran tersebut menjadi lebih bermakna.

Mengenai mata pelajaran, Smith (1969) mengatakan bahawa guru harus memahami isi kandungan mata pelajaran yang akan diajarnya, di samping faham

mengenai disiplin-disiplin yang telah melahirkan mata pelajarannya itu. Kefahaman yang pertama amat perlu untuk mengajar apa jua. Kefahaman yang kedua ialah mengenai pendalaman pengetahuan yang perlu bagi perasaan tidak khuatir dari segi intelek dan kebolehannya menggunakan isi kandungan pengajaran tersebut.

Garnett dan Tobin (1988) mengatakan bahawa pengetahuan guru dalam sesuatu subjek atau mata pelajaran adalah perlu tetapi tidak mencukupi. Sebagai tambahan pengajaran yang efektif juga memerlukan kemahiran guru untuk memindahkan atau menukar pengetahuan mereka ke dalam bentuk yang boleh difahami oleh para pelajar. Smith dan Neaale (1989) dalam kajiannya mendapati kebanyakkann guru-guru Sains di sekolah-sekolah menengah tidak dibekalkan dengan latihan yang mencukupi dalam disiplin ini. Akibatnya guru-guru sering membuat tanggapan yang salah dalam merangka kerja dan melaksanakan pengajaran.

Satu lagi kajian yang dilakukan oleh Tobin dan Fraser (1990) mendapati guru-guru yang memiliki kemahiran dan kapakaran dalam subjek atau mata pelajaran dan kebolehan dalam menterjemahkan isi kandungan mata pelajaran dapat menpelbagaikan kaedah pengajaran dan cara penyampaian isi mata pelajaran seperti menggunakan kaedah perbincangan, forum dan sebagainya. Sebaliknya guru-guru yang kurang menguasai pengetahuan kandungan mata pelajaran sangat bergantung kepada buku teks sebagai sumber rujukan utama mereka. Semasa sesi pengajaran mereka gemar menggunakan kaedah syarahan berbanding melakukan perbincangan. Carlson (1991) dalam kajiannya mengatakan bahawa guru-guru yang kurang kemahiran dalam menguasai subjek lebih

cenderung untuk mengurangkan penglibatan pelajar dalam aktiviti seperti perbincangan untuk mengurangkan penonjolan kekurangan pengetahuan akademik mereka.

2.8 Buku Teks

Buku teks merupakan sumber utama dalam menyalurkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pembelajaran yang baik sama ada di sekolah atau di rumah. Beberapa kajian yang dilakukan telah menunjukkan korelasi yang tinggi di antara pencapaian pelajar di dalam peperiksaan dengan buku-buku teks yang digunakan. Isahak Haron (1977) telah menjalankan kajian dan mendapati bahawa penggunaan buku-buku teks dapat memberi kesan yang baik terhadap pencapaian akademik pelajar-pelajar dalam peperiksaan darjah lima.

Di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), buku teks merupakan satu bahan kurikulum yang sangat penting di sekolah-sekolah. Justeru itu, penyediaan dan penghasilah buku-buku teks di kawal rapi oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kajian oleh Zaharah Hussin (1997), mendapati bahawa kandungan buku teks Pendidikan Islam KBSM adalah selaras dengan kehendak matlamat pendidikan negara, namun begitu terdapat beberapa aspek dalam buku teks tersebut yang menunjukkan kelemahan dalam turutan isi kandungan. Antara kelemahan-kelemahan lain yang didapati

oleh beliau ialah skop isi kandungan yang terlalu luas, urutan sub-topik yang tidak selari, pengulangan topik dan sub-topik, tiada rumusan dan kelemahan gambar dan lakaran.

2.9 Model Penilaian Kurikulum

Penilaian bolehlah dikatakan sebagai satu proses untuk membuat keputusan mengenai keberkesanannya sesuatu program atau aktiviti. Di antara proses yang terlibat dalam proses penilaian ialah mengenal pasti sebab atau rasional dan tujuan penilaian tersebut, aspek-aspek yang hendak dinilai, bagaimana hendak mengumpul maklumat, mengenalpasti sumbangan dan halangan terhadap proses penilaian, mengenalpasti langkah menganalisis data, membuat interpretasi tentang penemuan dan akhirnya membuat keputusan tertentu mengenai keberkesanannya program atau aktiviti yang telah dinilai.

Penilaian memainkan peranan yang utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pada hakikatnya, penilaian yang dilakukan itu adalah untuk menperbaiki dan menpertingkatkan proses pembelajaran para pelajar. Gage (1955) menegaskan bahawa tujuan penilaian kepada guru dan pentadbir sekolah ialah untuk mengekal dan menpertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Adkins (1974) menyatakan bahawa tujuan utama penilaian ialah untuk menguji akan perbezaan individu di kalangan pelajar. Penilaian akan menjadi peramal akan

kebolehan pelajar dalam pembelajaran mereka di masa akan datang. Dengan itu akan dapat dipastikan secepat mana dapat diduga pelajar-pelajar itu akan terus maju dengan pengalaman pembelajaran bagi mata pelajaran tersebut.

2.6.1 Model C.I.P.P

Model ini diperkenalkan oleh Stufflebeams. Penilaian boleh dilakukan terhadap sesuatu program dengan menggunakan ke empat-empat aspek yang terdapat di dalam teori ini atau menggunakan salah satu daripadanya. Dalam model ini, satu rangka kerja penilaian dibentuk yang dibahagikan kepada 4 aspek iaitu Context, Input, Process dan Product.

1. Context Evaluation:

Pada tahap ini, penyelidik akan mengenalpasti kumpulan sasaran. Penyelidik akan cuba membuat analisis mengenai keperluan, peluang-peluang baru, mendiagnosis masalah dan menentukan objektif bagi sesuatu program. Kebiasaannya, penyelidik akan menjalankan analisis keperluan, analisis situasi berkenaan sesuatu program. Ringkasnya pada tahap ini, penilaian dilakukan ke atas perkara atau hal-hal yang berkaitan dengan rasional dan objektif sesuatu aktiviti atau program.

2 Input Evaluation

Ia bertujuan untuk mengenalpasti dan menilai kebolehan sistem, strategi-strategi alternatif program, tatacara rekabentuk program dan sebagainya.

3. Process Evaluation

Ini adalah di peringkat implementasi sesuatu program. Data-data telah diharmonikan dan diperbetulkan. Peringkat ini bertujuan mengenalpasti masalah-masalah dalam proses dan mendapatkan data-data untuk diperbaiki dan dikemaskini.

4. Product Evaluation

Untuk mengumpul deskripsi dan penilaian hasilan daripada implementasi dikumpulkan dan dikaitkan dengan context, input dan process. Penilaian ke atas produk adalah penilaian mengenai hasil daripada perlaksanaan program tersebut.

Secara umumnya, tujuan penilaian dalam kurikulum ialah untuk memperbaiki mana-mana aspek dalam proses pembentukan dan perkembangan kurikulum. Oleh kerana proses perkembangan kurikulum itu bukanlah sesuatu yang mudah kerana terlalu banyak faktor yang perlu diberi pertimbangan. Oleh kerana itu, maka proses dan hasil itu patutlah dibuat penilaian secara berterusan.

2.6.2 Model Penilaian Tyler

Tyler (1949) menghuraikan pendidikan sebagai suatu proses yang berfokuskan kepada matlamat, pengalaman pembelajaran dan penilaian. Model ini sering digunakan untuk menilai pencapaian pelajar secara individu ataupun secara berkumpulan. Tiap-tiap

program pendidikan itu telah ditentukan objektifnya. Objektif atau matlamat inilah yang akan menjadi asas kepada pengukuran prestasi pelajar. Sekiranya prestasi pelajar tidak seperti yang telah ditetapkan oleh objektif terdahulu maka program tersebut dianggap lemah dan proses pengubahsuaian program dilakukan semula.

Tujuan penilaian kurikulum ini dilakukan ialah untuk mengenal pasti jawapan kepada persoalan-persoalan awal. Ini adalah kerana dalam proses pembentukan kurikulum kerana jawapan yang diperolehi ini akan digunakan sebagai asas kepada proses pembentukan kurikulum seterusnya. Biasanya aktiviti penilaian di tahap ini dipanggil kajian status atau kajian diagnostik iaitu mengeanal pasti keadaan sebenarnya di peringkat awal di samping mengenal pasti semua kelemahan dan kebaikan yang terdapat dan juga mengenal pasti punca-puncanya.

Tujuan penilaian yang seterusnya ialah untuk menperbaiki mana-mana aspek dalam proses pembentukan dan perkembangan kurikulum. Oleh kerana proses perkembangan kurikulum bukanlah sesuatu yang mudah dan ringkas maka ia merupakan satu proses yang agak rumit kerana terlalu banyak faktor yang perlu di beri pertimbangan. Oleh itu, proses dan hasil ini patutlah dibuat penilaian secara berterusan. Segala kelemahan dan kekurangan yang dapat dikenal pasti perlu diubah supaya hasil akhirnya dapat mencerminkan pencapaian objektif yang telah ditentukan.

Penilaian yang dilakukan juga akan dapat melihat sejauh mana sesuatu kurikulum yang telah dibentuk itu berkesan. Pada peringkat ini ia akan dapat memberi gambaran

terakhir mengenai kebaikan dan kelemahan sesuatu kurikulum. Setelah dijalankan penilaian di peringkat ini, segala kelemahan akan dapat diketahui dan diperbaiki.